

Mobiliti Pelajar FKKSA Timba Ilmu ke Turki

Turki, 24 Januari- Seramai empat orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Universiti Malaysia Pahang telah berjaya mengikuti dan menamatkan program pertukaran pelajar ke Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Metalurgi , Yildiz Technical University (YTU), Istanbul, Turki untuk semester musim luruh selama empat bulan baru-baru ini .

Menurut Penyelaras Program Pertukaran Pelajar, FKKSA, Dr. Fatmawati Adam berkata, program ini adalah hasil termetrainya memorandum persefahaman (MoU) melibatkan YTU dan UMP.

"Para pelajar telah mengikuti kursus Bahasa Turki selama lima hari yang dianjurkan oleh Pejabat Antarabangsa selain mengikuti kursus tambahan bahasa Turki di YTU agar memudahkan pelajar untuk berhubung dan berkomunikasi semasa di sana," katanya.

Menurut peserta Mohd Danial (nama ayah), beliau sangat bersyukur mendapat manfaat daripada program ini terutamanya mempunyai kenalan baru yang mungkin akan menjadi asset penting yang mungkin dapat membantunya dalam alam pekerjaan suatu hari nanti. Di samping idealogi dan cara pemikiran pelajar Turki yang berbeza dengan pelajar Malaysia, menjadikannya lebih kreatif dalam mempertingkatkan kemahiran berinteraksi.

Sementara itu, rakannya Mohd Muntaqim Rusdi dan Siti Amira Abdul Ghani pula melahirkan rasa kagum Kota Istanbul merupakan salah satu tempat yang menjadikan tarikan utama untuk pelajar dari negara Eropah lain untuk menyambung pelajaran.

Selain pelajar Turki, mereka mempunyai kenalan pelajar lain seperti dari Poland dan Perancis. Ianya juga dipersetujui Noor Zalina Hashim yang berpendapat program ini telah melatih mereka lebih berdikari di negara orang serta dapat mempelajari serta memahami budaya dan bahasa masyarakat asing.

Disediakan Oleh: Dr. Fatmawati Adam, Penyelaras Program Pertukaran Pelajar, FKKSA dan disunting Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 17-02-2015, 16:08:44